

Headline	Bank Islam sumbang RM1.2 juta		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	23	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	260 cm ²
Journalist	MOHD. ZUHARMAN MOHAMMAD NOR	AdValue	RM 5,186
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,558



Bank Islam sumbang RM1.2 juta

Oleh **MOHD. ZUHARMAN MOHAMMAD NOR**

pengarang@utusan.com.my

■ KOTA BHARU 12 JAN.

BANK Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) memperuntukkan RM1.2 juta bagi membantu meringankan beban mangsa banjir di negeri ini.

Sumbangan tersebut disampaikan Pengarah Urusan Bank Islam, Datuk Seri Zukri Samat kepada Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Faudzi Che Mamat dalam majlis ringkas di sini hari ini.

Menurut Zukri, daripada jumlah itu, RM1 juta diperuntukkan menerusi dana zakat syarikat kewangan itu untuk menampung kos pembinaan serta membaik pulih rumah mangsa yang telah musnah atau rosak teruk.

“Jumlah RM200,000 lagi adalah untuk lain-lain bantuan mengikut keperluan yang sesuai dengan keadaan termasuk dari segi bantuan barangan keperluan asas dan sebagainya,” katanya kepada pemberita selepas majlis tersebut.

Sementara itu, beliau memaklumkan, Bank Islam mengambil langkah proaktif menerusi Program Prihatin Bank Islam dengan



ZUKRI SAMAT (kiri) menyampaikan replika cek bernilai RM1.2 juta kepada **Mohd. Faudzi Che Mamat** untuk membantu mangsa banjir di Kelantan dalam satu majlis di Kota Bharu, semalam. - UTUSAN/WAHIDIN SALIM

menawarkan moratorium atau penangguhan bayaran bulanan pembiayaan bagi meringankan beban mangsa terbabit.

“Para pelanggan perkhidmatan pembiayaan Bank Islam boleh memohon penangguhan bayaran bulanan untuk pembiayaan peribadi-i, pembiayaan kenderaan-i dan pembiayaan rumah-i selama enam bulan.

“Program ini turut merangkumi pengecualian yuran permohonan untuk menggantikan kad debit dan buku akaun Bank Islam yang hilang atau musnah,” katanya.

Tambahnya, sebagai badan korporat yang prihatin dalam menjaga hal ehwal kebajikan masyarakat, Bank Islam akan terus berbakti dalam menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan.